

Headline	Cecah lebih ,hektar akhir		
MediaTitle	SelangorKini		
Date	05 Dec 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	250,000
Page No	4	Readership	750,000
Language	Malay	ArticleSize	336 cm²
Journalist	NORHAYATI UMOR		
Frequency	Weekly	AdValue	RM 3,296
		PR Value	RM 9,888



Keluasan Hutan Simpan Kekal Selangor terus meningkat

Cecah lebih 250,500 hektar akhir 2018

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Jumlah keluasan Hutan Simpan Kekal (HSK) di Selangor dijangka akan meningkat kepada 250,501.18 hektar, menjelang hujung tahun ini.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian berkata, setakat ini jumlah keseluruhan HSK adalah 250,290 hektar selepas pertambahan dua kawasan tanah kerajaan yang dijadikan HSK.

Katanya, ia membabitkan Hutan Simpan Bukit Lagong (40 hektar) dan Hutan Simpan Gombak Tambahan III (60 hektar).

"Pewartaan Hutan Simpan Gombak Tambahan III adalah bagi kawasan penggantian ke atas pemansuhan HSK di Hutan Simpan Gombak bagi kegunaan tanah perkuburan.

"Ketika ini, Jabatan Perhutanan Negeri sedang giat melaksanakan proses merawatkan tanah kerajaan Taman Alam, di



Kuala Selangor, seluas 292.18 hektar untuk dijadikan HSK.

"Oleh itu, Kerajaan Negeri yakin jumlah HSK akan meningkat kepada 250,501.18 hektar, hujung tahun ini," katanya dalam Sidang Dewan Negeri (DNS), di sini.

Pada masa sama, Loy Sian berkata, Jabatan Perhutanan Negeri Selangor dengan kerjasama Ibu Pejabat Perhutanan Semenanjung Malaysia dan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia berjaya menyenaraikan kedudukan kendirian atau kehadiran setiap pokok dalam Buku Diperokarpa Terancam, di Semenanjung Malaysia.

"Hanya 19 spesis pokok sahaja yang diendemik, di Selangor. Selain itu, 24 spesis pokok shrub, 29 spesis pokok herba, lima (pepanjat), empat (epipfit) dan satu (pakis)," katanya.

